

Masa bergerak begitu perlahan

Anis Rizana kongsi memori tunggu waktu berbuka apabila mula berpuasa sejak berusia 6 tahun

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my

Pelantikan sebagai Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan melaporkan diri pada 25 September dua tahun lalu menjadi detik bersejarah buat wanita ini, sekali gus berjaya membuktikan kaum hawa mampu menggalas tugas besar dengan amanah diberikan ini.

Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin yang kini tidak asing lagi selepas menjadi wanita pertama dilantik sebagai Ketua Pengarah JKDM, malah di bawah pimpinannya pelbagai kejayaan rampasan dan merekodkan kutipan hasil tertinggi RM65.67 bilion pada 2024, iaitu peningkatan 18.85 peratus berbanding RM55.17 bilion tahun sebelumnya.

Di sebalik kecekan dan cabaran sebagai ketua di jabatannya, Harian Metro menyingkap pahit manis beliau menyambut bulan mulia, Ramadan dan kenangan tidak dapat dilupakannya.

● Pengalaman tidak dapat dilupakan ketika berpuasa?

Pengalaman berpuasa yang tidak dapat saya lupakan ialah ketika pertama kali menjalani ibadah ini sewaktu kecil.

Pada waktu itu, saya



ANIS Rizana ketika menyampaikan buku prestasi Kastam 2024 kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof.

merasakan masa bergerak begitu perlahan dan menanti waktu berbuka menjadi satu cabaran besar.

Saya kerap melihat jam dan berharap azan Maghrib segera berkumandang kerana rasa lapar dan dahaga semakin terasa.

Namun, lama-kelamaan saya mula menikmati suasana berbuka puasa yang meriah bersama keluarga dengan pelbagai juadah enak terhidang di meja.

Kegembiraan ber-

kumpul dan menikmati hidangan bersama membuat saya lebih bersemangat untuk berpuasa, bukan sekadar kerana kewajipan tetapi juga kerana keindahan dan keberkatan yang hadir sepanjang Ramadan.

● Pada usia berapa mula berpuasa penuh?

Saya mula belajar berpuasa sejak berusia enam tahun dan pada usia lapan tahun, saya berjaya menunaikan puasa penuh sepanjang Ramadan.

● Apakah juadah wajib yang mesti ada di meja berbuka?

Juadah wajib yang mesti ada

di meja berbuka saya ialah kurma sebagai pembuka selera, diikuti dengan teh O panas, nipis dan kurang manis menggunakan Sabah Tea.

Selain itu, murtabak daging dan bubur lambuk juga menjadi hidangan kegemaran. Sayur-sayuran dan ikan turut melengkapkan menu berbuka sebagai pilihan makanan yang lebih seimbang.

Untuk pencuci mulut, 'tau fu faa' dan soya panas sentiasa menjadi pilihan utama bagi menambah kesegaran selepas seharian berpuasa.

● Bazar Ramadan kegemaran dan mengapa?

Saya menyukai Bazar Ramadan Putrajaya kerana susunan gerai teratur, lebih banyak pilihan serta bersih.

● Memori bersahur ketika zaman kanak-kanak?

Saya susah nak bangun untuk bersahur hingga terpaksa dikejutkan oleh ibu saya.

● Apakah cabaran terbesar ketika berpuasa?

Ketika zaman ka-

nak-kanak, cabaran terbesar ketika berpuasa bagi saya ialah menahan rasa lapar dan dahaga selepas pulang dari sekolah dengan menaiki beca, di mana waktu terasa begitu lambat untuk berbuka.

Pada masa ini pula, selepas menjadi Ketua Pengarah Kastam, oleh sebab tuntutan kerja, saya sering berbuka di dalam kereta dan tidak sempat berbuka bersama keluarga.

● Makanan yang cuba dielakkan sepanjang Ramadan?

Saya akan elakkan makanan yang terlalu pedas, masam serta berasid untuk mengelakkan gastrik.

● Bagaimana Ramadan kali ini berbeza dengan tahun sebelumnya?

Ramadan kali ini berbeza dari tahun sebelumnya kerana puteri sulung saya kini sudah berumah tangga, menjadikan suasana berbuka lebih meriah pada awal Ramadan dengan kehadiran menantu.

● Apakah perubahan positif yang diharap dapat teruskan selepas Ramadan?

Saya berharap untuk menjadi hamba Allah yang lebih bertakwa dan diberikan kesihatan yang berpanjangan untuk terus beribadah.

● Apakah kenangan paling berharga ketika solat tarawih?

Pengalaman bertarawih bersama-sama warga JKDM di Kedah dan Perlis menjadi antara kenangan paling berharga buat saya.

Ini kerana, semasa sedang solat, hujan turun dengan selebat-lebatnya selepas lama negeri-negeri ini tidak ditimpa hujan.

Tambahan juga, lebih bermakna apabila saf jemaah di surau JKDM setiap negeri semakin meningkat saban tahun sekali gus mencerminkan semangat Ramadan yang semakin subur.

● Berapa rakaat biasanya anda lakukan ketika solat tarawih?

Kebiasaannya, saya akan bersolat tarawih sebanyak lapan rakaat.

● Apa petua kesihatan diamalkan sepanjang Ramadan?

Saya akan mengurangkan makanan berminyak, pedas dan bersantan. Saya amalkan makan sayur dan buah-buahan.

● Lebih suka berbuka puasa di rumah, gerai atau bufet?

Jika ada kesempatan, saya lebih suka berbuka puasa di rumah bersama keluarga.

● Sajian paling disukai ketika bersahur?

Untuk minuman, saya lebih gemar minum teh O panas, nipis dan kurang manis dan apa-apa jua jadah.

● Sudah buat persiapan raya atau belum?

Walaupun dalam kesibukan kerja, saya tidak lupa untuk membuat sedikit persiapan raya.

“
Saya kerap melihat jam dan berharap azan Maghrib segera berkumandang
Anis Rizana